

Akal Budi Belia Melayu Islam: Peranan dan Pengaruh Ibu Bapa

¹Siti Masliah Mohd Nuri, ¹Jawiah Dakir, ^{1,2}Noor Aziah Hj. Mohd Awal, ^{1,3}Khairul Anwar @ Johari Mastor, ^{1,4}Siti Rugayah Hj. Tibek, ^{1,5}Fariza Md Sham, ^{1,5}Salasiah Hanin Hamjah, ^{1,3}Wan Zulkifli Wan Hassan, ^{1,5}Wan Fariza Alyati Wan Zakaria, ^{1,5}Mohd Al Adib Samuri, ¹Muhammad Ikhwan Ismail, ¹Siti Maheran Ismail@Ibrahim

¹Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia

²Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia

³Pusat CITRA UKM, Universiti Kebangsaan Malaysia

⁴Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia

⁵Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Makalah ini membincangkan mengenai peranan keluarga Islamik dan harmoni khususnya ibu bapa adalah sebagai pembangun akal budi belia Melayu Islam pada masa kini. Masalah sosial yang melanda generasi muda kini semakin hebat dan mencabar selaras dengan perubahan zaman dan era globalisasi serta modenisme. Tujuan makalah ini ditulis adalah untuk menjelaskan kepentingan peranan keluarga dan ibu bapa dalam membangunkan akal budi belia Melayu Islam. Makalah ini mengumpul dan komentor terhadap maklumat yang diperolehi daripada sarjana tempatan secara langsung melalui perbincangan kumpulan yang diaturkan oleh penyelidik. Perbincangan dan menganalisis dalam makalah ini merujuk kepada pandangan sarjana tempatan dan luar negara, disamping merujuk kepada al-Quran dan tafsiran. Hasil daripada sumber maklumat tersebut dapat dirumuskan bahawa pembangunan akal budi belia atau gerasi muda bermula dari didikan keluarga terutama ibu dan bapa semenjak kecil lagi. Kegagalan didikan menyebabkan rosaknya

sahsiah belia atau generasi muda sedangkan mereka akan menjadi generasi pewaris akan datang.

Kata kunci: Akal budi, pengaruh ibu bapa, belia Melayu Islam, keruntuhan akhlak dan salah laku

PENDAHULUAN

Institusi keluarga dan ibu bapa yang Islamik dan harmoni sifatnya sering dikaitkan dengan pembangunan keluarga dan tanggungjawab memenuhi keperluan asas anak-anak untuk membesar menjadi manusia yang dewasa. Harlina Halizah Siraj (2007: 60) mengatakan bahawa, ikatan individu dalam institusi tersebut adalah ikatan perkahwinan yang sah di antara seorang suami dan isteri. Muhammad Thalib (1997:1) pula berpendapat bahawa seorang lelaki muslim perlulah memikirkan kemampuan calon isteri dalam mengasuh dan mendidik anak-anaknya. Hal ini kerana, ibu yang mempunyai akhlak yang tidak baik akan memberi pengaruh buruk terhadap perkembangan akhlak.

Tenas Effendy (2002:31) pula berpandangan bahawa orang tua Melayu mengatakan: “mulia bangsa berbudi bahasa, mulia umat hidup beradat, mulia anak sempurna akhlak, mulia tua sempurna agama”. Justeru itu, ibu bapa seharusnya menerapkan nilai-nilai Islam dan didikan agama kepada anak-anak sejak daripada kecil lagi. Sebagai ibu bapa, seharusnya mereka mengambil berat pendidikan anak demi memastikan kehidupan mereka sentiasa berada dalam keredhaan Allah SWT. Anak-anak merupakan anugerah terindah kepada ibu bapa yang perlu dididik dan diasuh dengan sebaik-baiknya.

Masalah sosial yang melanda generasi muda kini semakin hebat dan mencabar selaras dengan perubahan zaman dan era globalisasi serta modenisme. Banyak nilai dan norma yang sebelum ini menjadi garis panduan dalam kehidupan masyarakat tidak lagi diterima pakai. Generasi yang lebih tua juga tidak mampu untuk menasihati generasi muda, sebaliknya hanya mampu melihat, memerhati dan menunggu apakah yang bakal yang menimpa generasi muda. Setiap hari dipaparkan dalam media massa pelbagai insiden pergaduhan, pembunuhan, pencabulan, lari dari rumah, hilang pedoman dan sebagainya (Muhamadul Bakir Yaakub, 2004).

Semua pihak mempunyai harapan yang tinggi terhadap generasi muda agar berperanan sebagai penggerak utama dalam memastikan kesinambungan

tamadun. Walau bagaimanapun gambaran yang diperolehi mengenai belia masa kini amat tidak menggalakkan. Situasi gawat ini memberi cabaran yang hebat kepada sebarang usaha untuk membentuk akal budi golongan muda. Usaha untuk membina akal budi belia Melayu Islam bukanlah satu perkara yang mudah kerana ia memerlukan iltizam yang tinggi dari semua pihak terutamanya kepada ibu bapa.

Makalah ini menggunakan kaedah pengumpulan maklumat secara langsung melalui perbincangan dengan kumpulan pakar penyelidik pelbagai bidang oleh penyelidik. Kumpulan yang dikenal pasti diberikan satu tajuk atau persoalan untuk dibincang bersama dengan tujuan masalah dapat diperdalam dan lahir dari hati yang ikhlas oleh mereka yang benar-benar terlibat (Ahmad Sunawari Long 2014). Mereka ini dipilih atas dasar pengalaman, kepelbagaian penyelidikan yang telah mereka lakukan terdapat golongan muda Melayu Islam di negara ini.

KONSEPTUAL AKAL BUDI MELAYU

Allah telah menciptakan manusia dalam bentuk yang paling baik, dan Dia memuliakannya atas makhluk-makhluk yang lain. Allah juga menciptakan akal untuk manusia supaya manusia boleh menjadi khalifah yang boleh mentakbir alam ini dengan baik. Akal manusia mempunyai batasan tertentu untuk bertindak, bergaul, belajar dan sebagainya. Bagi orang mukmin, Allah SWT menganugerahkan akal yang disertakan dengan taufik dan hidayah. Untuk menjelaskan konsep 'akal budi belia Melayu Islam', penulis merujuk kepada ayat al-Quran dan al-Hadis sertakata-kata pakar dan sarjana.

Ayat al-Quran banyak menyebut tentang peranan akal antaranya ada di dalam surah al-Tur ayat ke 32:

أَمْ تَأْمُرُهُمْ أَحْلَمُهُمْ بِهَذَا أَمْ هُمْ قَوْمٌ طَاعُونَ ﴿٣٢﴾

Maksudnya: Adakah mereka disuruh oleh akal fikiran mereka melemparkan tuduhan-tuduhan yang sedemikian itu, atau sememangnya mereka suatu kaum yang melampaui batas (dalam keingkaran dan kedegilannya)?

Selain itu akal yang sihat dijadikan syarat mutlak seseorang itu dibebani dengan hukum-hukum syarak (*taklif*). Islam amat memuliakan kedudukan akal. Hal ini kerana segala perintah dan tegahan agama hanya diwajibkan ke atas

orang yang berakal sehat. Rasul s.a.w. dalam satu sabda Baginda seperti yang diriwayatkan Imam al-Tirmidhi (1975 M, No. 1423) disebutkan:

رُفِعَ الْقَلَمُ عَنْ ثَلَاثٍ : عَنِ النَّائِمِ حَتَّى يَسْتَيْقِظَ ، وَعَنِ الصَّبِيِّ حَتَّى يَشِبَّ ،
وَعَنِ الْمَعْتُورِ حَتَّى يَعْقِلَ.

Maksudnya: Diangkat pena daripada tiga golongan, orang tidur sehingga terbangun, anak-anak sehingga dia bermimpi (tidak ditaklifkan) dan orang tidak sadar sehingga dia pulih berakal.

Disamping itu, Allah telah SWT telah melengkapkan kejadian manusia dengan adanya potensi untuk berfikir sama ada baik atau buruk. Allah SWT berfirman dalam surah al-Syams ayat 7 sehingga 15:

وَنَفْسٍ وَمَا سَوَّاهَا ﴿٧﴾ فَأَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَاهَا ﴿٨﴾ قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا ﴿٩﴾
وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّاهَا ﴿١٠﴾ كَذَّبَتْ ثَمُودُ بِطَغْوَاهَا ﴿١١﴾ إِذِ انبَعَثَ أَشْقَاهَا ﴿١٢﴾ فَقَالَ
لَهُمْ رَسُولُ اللَّهِ نَاقَةَ اللَّهِ وَسُقْيَاهَا ﴿١٣﴾ فَكَذَّبُوهُ فَعَقَرُوهَا فَدمدمَ عَلَيْهِمْ رَبُّهُم
بِذُنُوبِهِمْ فَسَوَّاهَا ﴿١٤﴾ وَلَا يَخَافُ عُقْبَاهَا ﴿١٥﴾

Maksudnya: Serta bumi dan Yang menghamparkannya (untuk kemudahan makhluk-makhlukNya); Demi diri manusia dan Yang menyempurnakan kejadiannya (dengan kelengkapan yang sesuai dengan keadaannya); Serta mengilhamkannya (untuk mengenal) jalan yang membawanya kepada kejahatan, dan yang membawanya kepada bertakwa; Sesungguhnya berjayalah orang yang menjadikan dirinya yang sedia bersih bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan), Dan sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya yang sedia bersih itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat). (Ingatlah), kaum Thamud telah mendustakan (Rasulnya) dengan sebab perbuatan derhaka mereka yang melampaui batas; Ketika orang yang paling jahat di antara mereka menerima perintah dari mereka (supaya membunuh unta yang menjadi mukjizat), Maka berkatalah Rasul Allah (Nabi Soleh) kepada mereka: (Janganlah kamu ganggu) unta betina dari Allah itu dan (janganlah kamu menyekatnya daripada mendapat) air minumnya (supaya kamu

tidak ditimpa azab)! (Setelah Nabi Soleh memberi amaran) lalu mereka mendustakannya serta menyembelih unta itu. Dengan sebab dosa mereka, maka Tuhan menimpakan mereka dengan azab yang membinasakan serta Dia meratakan azab itu meliputi mereka (sehingga punah-ranah semuanya).

Berdasarkan ayat di atas, Allah menegaskan perihal manusia yang telah diciptakan oleh Allah SWT yang menyempurnakan kejadian serta mengilhamkan dan memperkenalkan kepadanya jalan yang membawanya kepada kejahatan dan membawa kepada ketaqwaan. Demikian, terserahlah kepada manusia sendiri memilih dan bertanggungjawab terhadap pilihannya. Jika ia memilih jalan yang membawanya kepada kebaikan, iman dan taqwa maka selamat di dunia dan di akhirat, dan jika sebaliknya maka buruklah akibatnya. Sebagai contoh, diceritakan perihal kaum Nabi Solleh yang telah memilih jalan yang membawa mereka kepada kejahatan, lalu mereka menderhaka kepada Allah dan Rasul-Nya. Akibatnya mereka dibinasakan sehingga punah ranah (terj. Abdullah Muhammad Basmieh 2010:1395).

Aminudin Mansor (20012:29) merumuskan akal dikenali sebagai otak atau minda yang sangat penting dalam proses pembelajaran dan pembangunan diri seseorang. Dalam Al-Quran akal disebut dengan *fu'ad* baik dalam bentuk tunggal atau pun *jamak*. Oleh itu akal termasuk dalam salah satu dari tiga peringkat ilmu pengetahuan iaitu pendengaran, penglihatan dan *fu'ad* (kalbu).

Bagi definisi budi pula menurut Hashim Hj. Musa (2008:12) mengenai budi ialah akal yang mempunyai daya fikiran untuk memahami sesuatu perkara, dan kebolehan untuk berdalil dan menyimpul secara rasional, juga merupakan kepandaian, keupayaan dan kebijaksanaan yang mampu melahirkan seorang yang "budiman". Kajian yang dibuat oleh S. Buhisantoso *et.al* (1993:9) menyatakan budi adalah konsep abstrak atau merupakan salah satu konsep nilai budaya.

Bagi menjelaskan tentang akal dan budi pengarang Inggeris William Shakespeare yang pendapatnya diambil oleh Hasan, Fazura dan Ismail (2000: 75,76) menyatakan bahawa orang yang mendapat pengajaran daripada beberapa percubaan adalah orang yang berakal, budi itu mulia selamanya daripada dendam. Baik dan buruk adalah disebabkan oleh fikiran. Bergurulah pada kebijaksanaan sendiri, sesuaikanlah perbuatanmu dengan perkataanmu, dan perkataan dengan perbuatanmu.

Pendapat Imam Ghazali yang dipetik oleh Al-Syeikh Muhammad Jamaluddin (2006: 681-682) menerangkan mengenai hakikat daripada pengertian budi pekerti itu suatu hajat atau bentuk dari sesuatu jiwa yang benar-benar telah meresap dan dari situlah timbul pelbagai perbuatan dengan cara spontan dan mudah, tanpa dibuat-buat dan tanpa memerlukan pemikiran atau angan-angan. Apabila dari hajat tadi timbul kelakuan-kelakuan yang baik dan terpuji menurut pandangan syariat dan akal fikiran, maka hajat yang sedemikian itu yang dinamakan budi pekerti yang baik. Sebaliknya apabila yang timbul daripanya itu kelakuan buruk, maka hajat yang sedemikian itulah yang dinamakan budi pekerti yang buruk pula.

Awang Had Salleh (1985) juga mengambil pemerhatian mengenai masyarakat Melayu juga beranggapan bahawa akal budi itu sama seperti hati budi diri seseorang. 'Akal Budi' merupakan hati bagi sesuatu tamadun atau bangsa. Jika seseorang itu tidak mungkin dapat hidup tanpa hati, maka demikian jugalah halnya dengan budi. Tanpa budi tidak mungkin sesuatu tamadun atau budaya bangsa dapat ditegakkan Aminudin Mansor (2012:44).

Seterusnya, Zainal Kling (2004:4) menyatakan yang terkenal dalam kalangan orang Melayu tentang nilai ialah budi. Ia dalam dalam tiga bentuk iaitu budi Bahasa, budi pekerti dan budi bicara. Aspek akal ini kemudiannya timbul dalam masyarakat Melayu hasil hubungannya dengan Islam. Jadi akhirnya kita menggunakan konsep akal tentang pertimbangan yang rasional, berdasarkan pemikiran, tidak lagi perasaan. Akal menjadi konsep pada pemikiran yang rasional, berasaskan pertimbangan hukum dan suatu yang patut dan wajib dari hukum syarak.

KELUARGA DAN IBU BAPA DALAM PEMBANGUNAN AKAL BUDI BELIA

Keluarga merupakan unit asas dalam masyarakat yang mana ahli keluarga menjalankan peranan dan tanggungjawab demi untuk mencapai kesejahteraan dan keharmonian keluarga. Setiap ahli keluarga saling berinteraksi dan bergantung sesama sendiri dan dengan ahli masyarakat yang lain. Sesebuah institut keluarga itu mempunyai ibu bapa yang bertanggungjawab terhadap pembangunan akal budi anak-anak mereka. Ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam menanamkan nilai-nilai kehidupan yang harmonis dan Islamik.

Ibu bapa juga bertanggungjawab membangunkan anak-anak terutama dari sudut akal budi mereka melalui pendidikan semenjak dari kecil lagi. Apabila besar nanti anak-anak akan menjadi ‘pentadbir alam’ yang mana berperanan mengambil alih tugas datuk nenek dan ibu bapa mereka. Pemantapan iman menjadi perkara utama, diikuti ibadah dan hubungan antara manusia dengan manusia. Firman Allah SWT di dalam surah Luqman ayat 17:

يَبْنِيَّ أَقِمِ الصَّلَاةَ وَأْمُرْ بِالْمَعْرُوفِ وَأَنْهَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأَصْبِرْ عَلَىٰ مَا أَصَابَكَ
إِنَّ ذَٰلِكَ مِنْ عَزْمِ الْأُمُورِ ﴿١٧﴾

Maksudnya: Wahai anak kesayanganku, dirikanlah sembahyang dan suruhlah berbuat kebaikan, serta laranglah daripada melakukan perbuatan yang mungkar dan bersabarlah atas segala bala bencana yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya.

Surah Luqman menerangkan perihal Luqman seorang hamba Allah yang soleh, yang telah dikurniakan oleh Allah SWT dengan ilmu pengetahuan dan hikmah kebijaksanaan. Luqman menasihati anaknya supaya menjauhi perbuatan syirik, dan supaya ia mengerjakan amal-amal yang soleh serta berakhlak dengan akhlak mulia (terj. Abdullah Muhammad Basmieh 2010:881). Oleh yang demikian, perlunya didikan agama terhadap anak-anak sejak kecil lagi oleh ibu bapa. Sifat dan sikap Luqman perlu dicontohi oleh setiap ibu bapa pada masa kini, untuk membangunkan akal budi belia Melayu Islam.

Keluarga dan ibu bapa perlulah memberi kesedaran kepada anak-anak muda tentang ilmu kekeluargaan sebelum mereka berkahwin. Selain pembelajaran tidak formal mengenai ilmu kekeluargaan daripada keluarga, generasi belia juga boleh mendapatkan ilmu kekeluargaan dengan menghadiri kursus kahwin yang telah dianjurkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri. Persiapan ilmu kekeluargaan ini penting supaya setiap perkara yang terjadi dalam rumah tangga mereka dapat diselesaikan secara baik dan berdiplomasi.

Akibat kurang ilmu kekeluargaan akan timbul masalah-masalah di dalam intitusi keluarga itu sehingga boleh membawa kepada penceraian. Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim pula berkata, statistik penceraian di Malaysia didapati terus meningkat dari tahun ke tahun. Pada tahun 2012, jumlah kes perceraian adalah sebanyak

47, 779 kes, 43,137 kes pada tahun 2011 dan 38,000 kes pada 2010. Terdapat pelbagai punca kepada kes perceraian dan antara yang paling ketara ialah tiada kesefahaman, tidak bertanggungjawab, curang, campur tangan keluarga mentua juga faktor kahwin muda dan enggan dimadukan oleh suami (Wan Anor Wan Sulaiman 2014).

Selain ilmu kekeluargaan, didikan agama juga perlu diterapkan kepada generasi belia pada masa kini. Agama merupakan faktor yang penting dalam pembangunan dan perkembangan sahsiah seseorang belia sebab agama mempunyai pelbagai ajaran yang mengajar manusia supaya membentuk akhlak, pemikiran, rohani dan tingkahlaku yang ke arah baik dan intergriti. Maka agama akan mempengaruhi belia supaya tidak melakukan perkara dan tingkah laku yang tidak betul, maka agama lebih membangunkan sahsiah dari segi nilai dan kebenaran hidup.

Ilmu agama juga menjadi penyebab sesebuah keluarga itu bahagia dan harmoni. Jika ibu bapa tidak mempunyai ilmu agama maka ibu bapa akan melakukan kesalan-kesalahan yang boleh menjadi penyebab sesebuah keluarga itu kucar-kacir. Menurut Asmawati Baharuddin (1996:18-19) dan Norhalim Ibrahim terdapat beberapa kesalahan yang dilakukan oleh ibu bapa antaranya ialah:

- a. Kurang berdoa dalam proses mendidik anak.
- b. Pendidikan anak yang tidak seimbang daripada segi rohani dan jasmani di mana ibu bapa pada masa kini lebih memberi perhatian kepada aspek intelektual, fizikal, kemahiran dan pengalaman.
- c. Kurang menghidupkan sunnah dalam rumah tangga, iaitu ibu bapa kurang menggalakkan anak-anak mencontohi amalan yang dilakukan oleh Rasulullah SAW yang sememangnya amalan yang terbaik.
- d. Masih membiarkan akhlak yang buruk dalam rumah tangga.
- e. Tidak menggalakkan anak-anak untuk berdoa.

Sehubungan itu, penghayatan agama di dalam diri setiap ibu bapa dan anak-anak juga penting dalam membangunkan akal budi belia Melayu Islam pada masa kini. penulisan Al-Saman Qindi menulis yang dikutip oleh Adnan Hasan Salleh (2011:47) di dalam bukunya yang berjudul *Uqubah Ahli Kabāir*, pernah menceritakan sebuah kisah seperti berikut, “Orang yang pertama sekali berhimpun dengan seseorang adalah isteri dan anak-anaknya. Kemudian mereka

berdiri di hadapan Tuhan sambil berkata, 'Wahai Allah, tolong ambil hak kami daripada orang ini kerana dia tidak mendidik kami mengenai agama.' Oleh sebab itu, seorang bapa perlu memahami agama, masalah halal dan haram, kaedah mendidik, prinsip-prinsip akhlak dan peraturan-peraturan agama. Sekiranya, tidak mengetahuinya dia perlu mempelajarinya.

Allah SWT telah berfirman di dalam surah al-Tahrim ayat 6:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ
عَلَيْهَا مَلَكَةٌ غُلَظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾

Maksudnya Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari Neraka yang bahan-bahan bakarannya: Manusia dan batu (berhala); Neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkanNya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan.

Ayat al-Quran di atas adalah perintah Allah kepada hamba-hambaNya yang beriman sebagai peringatan dan nasihat supaya mereka memelihara diri dan keluarga mereka seperti anak dan isteri dari seksaan api neraka. Ayat ini juga telah memberi gambaran keadaan api neraka itu yang menyala-nyala bahan bakarnya terdiri daripada orang-orang yang musyrik dan batu-batu berhala. Oleh yang demikian, peranan seorang bapa perlu mendidik anak-anak mereka supaya mentaati Allah dan juga RasulNya. Ketaatan inilah yang akan menyucikan diri mereka dan menjadikan mereka seorang Islam yang mempunyai akal budi yang baik dan menjadikan mereka layak masuk ke syurga setelah diselamatkan dari api neraka (terj.Tafsir al-Quran al-Aisar 2009:525).

Sokongan sosial juga telah dikenal pasti sebagai perkara yang penting dalam membangunkan akal budi belia Melayu Islam. Sokongan sosial yang tinggi diantara keluarga dan ibu bapa kepada anak-anak akan meningkatkan lagi kesejahteraan psikologi masing-masing (Umberson 1992). Kurang sokongan sosial di antara ahli keluarga dan ibu bapa akan mendedahkan kepada situasi psikopatologi (Procidano dan Heller 1983). Ini bermaksud individu mungkin akan mengalami masalah psikologi seperti tekanan sekiranya mereka kurang menerima sokongan sosial daripada ahli keluarga.

Oleh itu, peranan keluarga dan ibu bapa memainkan peranan penting dalam membangunkan akal budi belia Melayu Islam yang pada masa kini menghadapi pelbagai cabaran. Keluarga dan ibu bapa juga perlulah memperkukuhkan lagi kemahiran mereka sebagai orang yang lebih dewasa dan sering peka dengan setiap apa yang dilakukan oleh anak-anak generasi belia pada masa kini. Hal ini kerana, melihat situasi pada masa kini terdapat pelbagai cabaran dan anasir yang tidak baik melanda generasi belia.

KESAN KEGAGALAN PEMBANGUNAN AKAL BUDI BELIA

Dunia hari ini sedang mengalami perubahan menyeluruh kehidupan manusia sama ada sosial, kebudayaan, ekonomi dan politik. Hal ini disebabkan proses pembangunan yang melanda dunia. Aktiviti pembangunan giat dirancang dan dilaksanakan, termasuklah di negara-negara membangun. Namun begitu sama ada disadari atau pun tidak, pembangunan yang diinginkan itu dapat memberikan impak yang negatif kepada sesebuah masyarakat dan negara. Hal ini berlaku kerana, kegagalan keluarga dan ibu bapa dalam membangunkan akal budi generasi belia.

Terdapat pelbagai kesan boleh dilihat akibat kegagalan ibu bapa mempengaruhi akal budi belia Melayu Islam antaranya ialah keterlibatan belia Melayu dalam masalah sosial. Malaysia telah dihebohkan dengan pelbagai isu gejala sosial yang berlaku dalam kalangan belia. Sekecil-kecil jenayah sehinggalah melibatkan pembunuhan dan kematian dengan cara yang sungguh tidak berperikemanusiaan. Shuhada Mansor (2014) telah melaporkan statistik 2010 yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan kes remaja lari dari rumah meningkat dengan angka mencatatkan 4,097 remaja yang membabitkan seawal usia 13 sehingga 17 tahun. Manakala Utusan Malaysia pada 4 Mac 2014, telah melaporkan mengenai peningkatan kes-kes juvana dari 3399 kes pada tahun 2012 kepada 8704 kes pada tahun 2013. Peningkatan yang mendadak ini dilihat dari sikap ibu bapa yang kurang memberi sokongan sosial terhadap anak-anak mereka. Pengabaian ibu bapa terhadap anak-anak memberi kesan yang buruk terhadap masa depan mereka.

Mohammad Shatar Sabran (2015) menyatakan bahawa remaja Melayu merupakan juara dalam penglibatan masalah sosial. Apabila kita sebut Melayu sudah tentu mereka ini orang Islam. Antara masalah remaja Melayu pada masa kini adalah dadah, rempit, rokok, dan seks bebas. Jika ramai remaja Melayu Islam

kita kini terlibat dengan pelbagai masalah sosial, bagaimana dengan generasi akan datang? Siapa akan menjadi pelapis pemimpin akan datang untuk membela agama, bangsa dan negara?

Selain itu, persekitaran sosial juga menjadi kesan kegagalan terhadap pembangunan akal budi belia Melayu Islam. Pendapat Nik Safiah Abd. Karim (2015), mengenai ibu bapa muda pada masa kini ialah orang muda kita pandai berkahwin, pandai melahirkan anak, tetapi tidak pandai menjadi ibu bapa. Kadang-kadang ibu bapa pun tidak matang, bagaimana mahu melahirkan anak yang matang. Hal ini kerana mereka sendiri pun tidak tahu tugas mereka. Pendapat beliau ini telah disokong oleh Haslinda Abdullah (2015), yang menyatakan "...dalam konteks keluarga, nilai dan sokongan sosial, saya melihat ibu bapa tidak tahu mendidik anak dan sebagainya memang betul. Keliru dan tidak ada kematangan untuk mendidik anak. Sudah tidak ada kematangan kita panggil dia sombong bodoh tidak mahu pergi belajar. Kalau pergi belajar pun biasanya perempuan, lelaki tidak ...".

Sehubungan itu, kurangnya tumpuan belia terhadap isu-isu pembangunan negara dan ummah juga merupakan salah satu kegagalan dalam membangunkan akal budi belia. Hal ini kerana, belia Melayu Islam pada masa kini dari segi akal budinya agak dimanjakan oleh ibu bapa. Menurut Nik Safiah Abd. Karim (2015) "masyarakat kita (ibu bapa) memanjakan belia dari kecil lagi terutama anak lelaki. Ibu memanjakan dan merosakkan anak-anak lelaki mereka". Hal ini demikian kerana, anak-anak lelaki Melayu Islam pada masa kini tidak boleh menghadapi cabaran semasa. Mereka tidak matang kerana selalu dibantu oleh ibu, kakak serta adik perempuan dalam pelbagai perkara. Keadaan ini telah menimbulkan fenomena di mana kaum wanita lebih mendominasi dalam pelbagai bidang berbanding lelaki sama ada di universiti mahupun sektor pekerjaan.

Seterusnya belia Melayu Islam pada masa kini dikatakan kurang kebijaksanaan dalam menerima dan mengurus informasi yang begitu pesat dalam cabaran era globalisasi. , Timbalan Naib Cansolar Hal Ehwal Pelajar Alumni, Universiti Putra Malaysia menyatakan: "majoriti anak-anak remaja yang ada pada hari ini terpengaruh bukan dengan fizikal kawan yang ada sebelah, tetapi kawan dia yang di luar... dia lepak hari ini duduk di dalam bilik tetapi kawan dia satu dunia. *This is something that we have to think about this*".

Kajian Mohamad Faizal Mohammad dan Mohd Zaki Ishak (2014:5) bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh Nurul (2011), beliau mengenal pasti pengaruh internet terhadap keruntuhan akhlak remaja Islam. Jika sebelum ini negara digemparkan dengan web serta blog lucu, tetapi hari ini negara dikejutkan dengan berita mengenai seorang pelajar genius Matematik dari Malaysia di penjara lima tahun oleh mahkamah di United Kingdom. Nur Nordin ditahan selepas didapati bersalah memiliki 30,000 imej pornografi kanak-kanak. Nur Nordin yang berasal dari Malim Nawar, Kampar, Perak mengaku bersalah terhadap 17 tuduhan memiliki, membuat dan mengedar gambar lucu kanak-kanak pada November tahun lalu. Hal ini merupakan salah satu penyalahgunaan terhadap internet oleh golongan remaja dan juga belia pada masa kini (Berita Harian Metro Anon 2015).

Sehubungan itu, antara lain kesan kegagalan ibu bapa mempengaruhi akal budi belia Melayu Islam dapat dilihat apabila belia masa kini mudah terpengaruh dengan nilai dan budaya hidup barat. Menurut Prof. Dato' Dr. Mohammad Shatar Sabran (2015), seks bebas mendapat tempat pertama dalam masalah sosial. Berdasarkan kajian beliau, apabila ditanya kepada remaja Melayu, "*do you have sex?*" kebanyakan menjawab "*yes*"... *how do you feel?* 85% said "*we like it*". Hal ini amat membimbangkan dan mengerutkan apabila jawapan yang di dapati daripada generasi belia Melayu Islam pada masa kini.

Pengaruh Barat yang membawa ideologi seperti sekularisme, liberalisme, materialisme, rasionalisme, atiesme dan lain-lain menyebabkan banyak yang terpengaruh khususnya dari segi pemikiran orang-orang Melayu. Sidek Baba (2008:15) menyatakan, ada orang berpendapat bahawa untuk maju seperti orang Barat maju, agama jangan dibawa serta. Banyak dari ajaran agama menghalang proses maju. Dari sudut ilmu ada yang berpendapat agama suatu yang tidak rasional. Agama dikaitkan dengan dogma. Sehingga seorang pemikir Barat bernama Derrida menyebutkan "Tuhan sudah mati". Golongan yang mempunyai pemikiran seperti ini akan membawa kepada kerosak akidah umat Islam serta budaya orang Melayu.

Selain dari seks bebas, pengaruh budaya Barat yang dapat di lihat pada masa kini ialah rakyat Malaysia mula berani membuat tuntutan hak asasi manusia (*human right*) atau lebih dikenali dengan COMANGO (Coalition of Malaysian NGOs in the UPR Process). Menurut Alias Abdul Aziz (2014), tuntutan COMANGO terhadap pengiktirafan hak-hak lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) dan tuntutan agar

murtad diiktiraf sebagai kebebasan beragama adalah bukti terkini bahawa umat Islam dan agama Islam di Malaysia semakin terancam. COMANGO menuntut agar dihapuskan peruntukan-peruntukan sedia ada yang melarang perlakuan LGBT supaya golongan tersebut diberikan hak dan kebebasan sama rata. Manakala, tuntutan agar murtad diiktiraf di negara kita dilakukan dengan menuntut agar Malaysia menandatangani International Covenant on Civil & Political Rights (ICCPR).

Kegagalan pembangunan akal budi akan memberikan kesan yang sangat besar dalam masyarakat. Jatuh bangunnya sesuatu negara, agama dan bangsa dapat dilihat dari segi akal budi dalam masyarakat itu sendiri. Tidak dinafikan akal budi belia Melayu Islam pada hari ini sangat membimbangkan. Budaya kuning dan pengaruh budaya Barat mudah meresap masuk dan menjadi ikutan para belia pada hari ini. Kiranya hal ini tidak dibendung oleh keluarga dan ibu bapa, maka tidak hairanlah pada masa akan datang masyarakat kita akan hancur dan keruntuhan akal budi belia Melayu terutamanya akan rosak dan binasa. Oleh itu keluarga dan ibu bapa perlu peka dengan setiap perkembangan sosial generasi belia melayu islam pada masa kini.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, untuk memastikan belia Melayu Islam terselamat daripada terjebak dalam kancah sosial, pelbagai langkah perlu diambil oleh semua pihak. Semua strategi yang dirancang harus dilaksanakan dengan segera tanpa banyak alasan lagi. Kerjasama semua pihak terutama pihak ibu bapa, masyarakat juga kerajaan amat diperlukan dalam menyelesaikan masalah yang bakal menentukan hala tuju negara kerana belia merupakan harapan pemimpin masa depan kelak. Kegagalan untuk menyelesaikan masalah sosial ini secara rasional dan efektif akan menjadikan masyarakat kita pada masa hadapan satu masyarakat yang lemah dan tidak mampu untuk bersaing dalam arus persana globalisasi kini.

Pendidikan awal anak-anak merupakan satu jihad dan memerlukan pengorbanan daripada ibu bapa. Ibu bapa terlebih dahulu perlu mencerminkan budaya sihat dan tauladan yang baik supaya menjadi ikutan anak-anak. Anak-anak adalah cermin kepada ibu bapa. Kita tidak mahu ibu bapa yang ibarat ketam mengajar anaknya berjalan betul. Ibu bapa yang mithali adalah penggerak kepada kemajuan pendidikan anak-anak. Oleh yang demikian ibu bapa perlulah berusaha untuk menjadi ibu bapa yang terbaik supaya dapat melahirkan anak-anak yang cemerlang dari segi akal budinya.

RUJUKAN

Al-Quran

Abu Bakar Jabir al-Jazairi. 2006. *Al-Quran al-Aisar*. Diterj. M. Azhari Hatim, Abdurrahim

Mukti. Jakarta: Darul Sunnah.

Adnan Hasan Salleh. 2011. *Mendidik Anak Lelaki*. Selangor: PTS MILLENNIA SDN.BHD.

Ahmad Sunawan Long. 2004. *Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Alias Abdul Aziz. 2015. Ancaman COMANGO terhadap Islam Disebalik Perjuangan Hak Asasi Manusia. Beyond The Eyes Can See. <https://www.facebook.com/beyondeyescansee/posts/517685501677782:0>

Aminudin Mansor. *Akal budi dalam pantun dan sajak: meneliti teks puisi komponen sastera (KOMSAS) Subjek Bahasa Melayu*. Tesis Dokter Falsafah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Awang Had Salleh 1985. *Adat Sopan dan Budi Bahasa*. Penerbitan Berkala. Bandar Darul Aman : Universiti Utara Malaysia.

Al-Tirmidhi, Muhammad bin Isa. 1975 M/ 1395 H. Sunan al-Tirmidhi. Cet. 2. Misr: Shirkah Maktabah Wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi.

Anon. 2014. *Eksplotasi Kanak-kanak Penguatkuasaan Dipertimbangkan*. Utusan Malaysia. 04 Mac.

Asmawati Baharuddin dan Norhalim Ibrahim. 1996. *Peranan Ibu Bapa*. Selangor: MAKRUUF PUBLISHER & DISTRIBUTORS SDN. BHD.

Berita Harian Metro. Anon. 2015. <http://www.hmetro.com.my/node/47789#sthash.tB4B0raS.dpuf>.

Hasan, Fazura dan Ismail. 2000. *Mutiara Kata*. Jil. 1. Melaka: Associated Education Distributor Sdn.Bhd.

Mohd Faizal Mohammad & Mohd Zaki Ishak. 2014. *Gejala Hubungan Seks Dalam Kalangan Pelajar: Satu Kajian Kes*. Seminar Kebangsaan Integriti Tunjang Kesejahteraan Masyarakat Malaysia. Sabah: Fakulti Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah.

- Muhamadul Bakir Yaakub. 2004. Peranan keibubapaan dalam menangani permasalahan sosial semasa dari perspektif Islam. Kertas kerja Simposium Kebangsaan Kebajikan Kanak-kanak 2004. The Gurney Resort Hotel & Residences, Pulau Pinang, 21-22 Julai.
- Persidangan Meja Bulat: *Pengukuhan Akal Budi Belia Melayu Islam*. 2015. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Procidano, M.E, and K. H eller. 1983. *Measures of perceived social support from friends and from family: there validation studies*. American Journal of Community Psychology 11(1): 1-23.
- Tafsir Pimpinan A-Rahman Kepada Pengertian al-Quran. 2010. Terj. Abdullah Muhammad Basmieh. Selangor: Darul Fikir SDN. BHD.
- Tenas Effendy. 2002. *Jatidiri Belia Dalam Tamadun Melayu*. Penyenggara; Abdul Latif Abu Bakar. *Belia Dalam Pembangunan Dunia Melayu Dunia Islam*. M S. Buhisantosa. Made Purnama & Sri Mintosih. 1993. *Nilai Budi Pekerti dalam Pantun Melayu*. Penyempurna: Kencana S. Pelawi. Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Shuhada Mansor. 2014. Harian Metro Online. <http://www2.hmetro.com.my/articles/Bodohkeranacinta/2013/Article#sthash.L1cLCUa8.dpuf>
- Sidek Baba. 2008. *Jalur Berfikir Remaja Islam*. Selangor: DAR BARIYAZI.
- Umberson, D. 1992. *Relationships between adultchildren and their parents: psychological consequences for both generations*. Journal of Marriage and the Family 54(3): 64-674.
- Wan Nor Wan Sulaiman dan Risalshah Latif. 2014. *Kaunseling Keluarga: Isu dan Cabaran*. Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga 2014. Sabah: Universiti Malaysia Sabah.
- Zainal Kling. 2004. *Timbang rasa bukan kelemahan Melayu*. Berita Harian, 10 Oktober: Kuala Lumpur.